

News Clipping

Headline : Yong Tai sasar jualan tiket teater RM60 juta
Date : 9 January 2018
Media Title : Berita Harian
Page : 61



Yong Tai sasar jualan tiket teater RM60 juta



Nazri (tengah), Ka Siong (lima dari kiri), Syed Norulzaman (lima dari kanan) dan Kuang Loon (empat dari kiri) selepas majlis menandatangani HOA di antara kedua-dua syarikat di Kuala Lumpur, semalam.

Yong Tai Bhd menerusi anak syarikatnya, YTB Impression Sdn Bhd (YTBi) akan membangunkan pelbagai kemudahan di sekitar Teater Encore Melaka menggunakan dana pembiayaan RM400 juta yang berjaya diraihnya.

Dana pembiayaan itu diraih menerusi perjanjian induk (HOA) di antara YTBi dengan Kirin Financial Group Ltd, anak syarikat Kirin Group Holdings Ltd yang disenaraikan di Hong Kong.

Menerusi HOA itu, Kirin Financial Group akan melabur sekurang-kurangnya RM400 juta dalam projek pembangunan bercampur di Impression City, yang mana turut mengandungi Teater Encore Melaka.

Ketua Pegawai Eksekutif Yong Tai

Bhd, Datuk Wira Boo Kuang Loon, berkata dana pembiayaan itu akan digunakan bagi membangunkan antaranya hotel, restoran, pusat beli-belah dan kemudahan lain di sekitar Teater Encore Melaka.

"Pembiayaan ini adalah tambahan daripada RM500 juta pelaburan yang sudah berjaya diraih syarikat sehingga kini menjadikan jumlah keseluruhan pelaburan diterima kami pada hari ini (semalam) ialah RM900 juta," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis menandatangani HOA di antara kedua-dua syarikat di Kuala Lumpur, semalam.

HOA itu disaksikan oleh Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul

Aziz dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong.

Yang turut hadir Pengerusi Yong Tai, Datuk Syed Norulzaman Syed Kamarulzaman. Pada majlis sama, Yong Tai menerusi satu lagi anak syarikatnya, PTS Impression Sdn Bhd (PTSI) turut memeterai beberapa perjanjian antaranya perjanjian kemudahan dengan Bank of China yang akan memberi pembiayaan sebanyak RM100 juta bagi membiayai sebahagian daripada pembinaan Teater Encore Melaka.

Perjanjian penjualan tiket

Selain itu, PTSI turut memeterai perjanjian penjualan tiket perserahan Encore Melaka berjumlah

sejuta keping setahun dengan enam agensi pelancongan, iaitu Majestic Holiday Sdn Bhd sebanyak 500,000 keping; Apple Impression Holiday Sdn Bhd (200,000); Levingo Travel Sdn Bhd dan Shanghai Ctrip International Travel Service Co Ltd masing-masing sebanyak 100,000 keping serta Coachliner 707 Travel & Tours Sdn Bhd dan WTS Travel & Tours Pte Ltd masing-masing sebanyak 50,000 keping tiket. Perjanjian dengan enam agensi pelancongan itu dimeterai untuk tempoh tiga tahun.

Mengulas lanjut, Kuang Loon berkata, pihaknya menyasarkan hasil jualan tiket itu akan menyumbang sekurang-kurangnya RM60 juta kepada keuntungan bersih syarikat pada setiap tahun apa-

bila teater itu mula beroperasi pada Mei ini.

Mengenai kesukaran mendapatkan pembiayaan daripada bank tempatan, Kuang Loon menjelaskan ia kerana projek pembangunan seperti Impression City adalah yang kali pertama di Malaysia.

"Kerana itu sehingga kini hanya Bank of China yakin untuk menawarkan pembiayaan kepada kami kerana berdasarkan trak rekod di China, projek Impression di sana sudah berjaya," katanya.

Sementara itu, Mohamed Nazri yakin Teater Encore Melaka yang akan memulakan operasinya pada bulan Mei ini akan menarik lebih ramai kehadiran pelancong terutama dari China ke Malaysia.